

# MIC berusaha pastikan sidang bulan depan aman tenteram

**KUALA LUMPUR, Khamis** — MIC akan mengambil segala langkah perlu bagi memastikan tidak ada sebarang kejadian berlaku dalam mesyuarat perwakilan tahunannya yang akan diadakan di Pulau Pinang awal bulan depan.

Seorang jurucakap parti berkata hari ini mesyuarat itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Oktober akan diadakan "dalam suasana yang benar-benar berlainan."

Lebih 2,400 orang perwakilan dari 700 cawangan seluruh negara dijangka menghadiri mesyuarat dua hari di Dewan Tuanku Syed Putra di Universiti Sains

Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional turut diundang.

Mesyuarat tahun ini adalah mesyuarat ketiga yang diadakan di Pulau Pinang. Mesyuarat-mesyuarat yang lalu diadakan di Perai pada 1954 dan di Georgetown pada 1957.

Sumber-sumber itu menambah, memandangkan ini adalah mesyuarat perwakilan tahunan pertama bagi Presiden Parti, Datuk S. Samy Vellu, beliau akan mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan mesyuarat itu dijalankan tanpa kejadian-kejadian yang biasa berlaku.

Datuk Samy Vellu berkata, walaupun tem-

pat bagi perwakilan yang begitu ramal merupakan sebab mengapa mesyuarat itu diadakan di Pulau Pinang lain-lain sebab seperti perbuatan-perbuatan melanggar tata tertib dan kempen-kempen yang tidak dikehendaki juga diambil kira.

Pemilihan akan dijalankan bagi jawatan-jawatan Timbalan Presiden, tiga orang Penolong Presiden dan tiga orang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat.

Menurut sumber-sumber parti penentang bagi jawatan Timbalan Presiden, Encik V. Govindaraj, yang juga Pengerusi MIC Negeri Selangor, mungkin akan menarik diri.

Ini disebabkan permintaan Datuk Samy Vellu, kata mereka. — Bernama.